



MUHAMMAD Murtadha dicium ibunya selepas proses pendaftaran sebagai pelajar baru di UMP.

HARIAN METRO

Ijazah balas

(CIMUR)

20/8/2016 m/s 47

budi penderma

Kuantan: “Hanya kejayaan dalam bidang akademik menjadi balasan kesucian hati penderma yang membantu saya dan keluarga sehingga berpeluang meneruskan pengajian di peringkat ijazah.

“Saya akan pastikan segala pengorbanan yang mereka berikan tidak sia-sia. Hanya segulung ijazah menjadi bukti keazaman saya nanti,” kata Muhammad Murtadha Ibrahim, 20, yang mendaftar sebagai penuntut baru di **Universiti Malaysia Pahang (UMP)**, Gambang di sini, kelmarin.

Dia yang berasal dari Gopeng, Perak berkata, tanpa

sumbangan daripada orang ramai termasuk jiran, mustahil untuknya meneruskan pengajian di universiti itu.

Menurutnya, hal itu kerana keluarganya tidak berkemampuan berikutan bapanya, Ibrahim Ahmad, 54, hanya meraih pendapatan RM1,059 sebulan menerusi wang pencen manakala ibunya, Rohani Muhamad Ali, 45, tidak berkerja.

“Mujur ada jiran sekampung dan saudara-mara yang prihatin menghulurkan bantuan kewangan sehingga membolehkan keluarga menghantar saya ke UMP,” katanya.